

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/2015**

**GARIS PANDUAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)
DI ATAS TANAH RIZAB KERAJAAN DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai Garis Panduan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di atas Tanah Rizab Kerajaan di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 19/2015 bertarikh 10 Jun 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 10/2015 pada 24 Jun 2015.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 7/2011 berhubung Garis Panduan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atas Tanah Kerajaan yang mula dikuatkuasakan pemakaianya pada 20 Julai 2011.
- 2.2 Namun pada 12 Oktober 2011 melalui keputusan MMKN ke 33/2011, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah menghentikan kuasa melulus LPS oleh Pentadbir Tanah sehingga Kerajaan Negeri mengkaji semula Pekeliling Pengarah Tanah dan

Galian Selangor Bil. 7/2011 tersebut. Dalam tempoh kajian ini semua permohonan hendaklah dikemukakan ke Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk pertimbangan dan kelulusan.

- 2.3 Seterusnya, melalui keputusan MMKN ke 19/2015 bertarikh 10 Jun 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 10/2015 pada 24 Jun 2015, PBN telah meluluskan garis panduan baru bagi LPS di atas Tanah Rizab Kerajaan di Negeri Selangor.

3. **TAFSIRAN**

- 3.1 Definisi "LPS" yang diiktiraf oleh Jabatan Peguam Negara ialah suatu kebenaran dalam bentuk lesen yang bersifat sementara diberikan oleh PBN atau mana-mana pihak yang diberikan kuasa untuk tujuan yang telah dikhaskan di mana tanpanya seseorang itu akan dianggap sebagai penceroboh dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- 3.2 "Bangunan sementara" menurut **Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 Undang-Undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985** termasuklah sesuatu bangunan yang dibina keseluruhan atau sebahagiannya daripada bahan-bahan yang, jika tidak dijaga secara istimewa, mungkin cepat rosak, atau selainnya tidak sesuai untuk digunakan bagi pembinaan bangunan kekal, dan boleh meliputi sesuatu rumah atau bangunan yang pembinaannya

dibenarkan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh Dato' Bandar bagi suatu tempoh terhad yang akan ditetapkan dan apabila tamat tempoh itu bangunan tersebut hendaklah dirobohkan.

- 3.3 Merujuk kepada **Seksyen 65 Kanun Tanah Negara (KTN)**, PBN boleh membenarkan pendudukan sementara dengan pengeluaran lesen untuk penggunaan tanah Kerajaan, tanah lombong yang bukan pada masa itu digunakan untuk maksud perlombongan dan tanah rizab Kerajaan yang bukan pada masa itu digunakan untuk maksud-maksud yang ia dirizabkan.
- 3.4 Merujuk **Seksyen 5 KTN**, "tanah rizab" ertinya tanah yang buat masa itu dirizabkan untuk tujuan awam selaras dengan peruntukan-peruntukan seksyen 62 atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu.
- 3.5 Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat, "tanah rizab" bermaksud tanah simpanan atau tanah yang dikhaskan untuk sesuatu tujuan.
- 3.6 Oleh itu tanah rizab boleh ditafsirkan sebagai tanah simpanan kerajaan untuk sesuatu tujuan sama ada telah atau yang akan diwartakan di bawah **Seksyen 62 KTN** dan tanah rizab ini dikenalpasti melalui pelan warta atau pelan susun atur bagi sesuatu pembangunan yang telah diluluskan oleh PBN.

- 3.7 Antara tujuan dan kegunaan tanah rizab dalam sesuatu pembangunan adalah bagi tujuan seperti kawasan lapang, zon penampang, jalan, rentis talian elektrik, sungai dan lain-lain.
- 3.8 "Tanaman kontan" adalah jenis tanaman singkat masa yang diusaha untuk mendapat pulangan melalui penjualan seperti tanaman sayur-sayuran, tebu, jagung, ubi kayu dan ubi keledek (*sumber wikipedia Eksikopedia bebas*).

4. **KAEDAH PELAKSANAAN**

Syarat-syarat dan garis panduan permohonan LPS, yang telah diluluskan oleh MMKN ke 19/2015 bertarikh 10 Jun 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 10/2015 pada 24 Jun 2015 adalah seperti berikut :

4.1 **Syarat-syarat Pemohon**

- 4.1.1 Orang Dewasa (berdasarkan **Seksyen 43 KTN** ialah orang-orang benar selain remaja);
- 4.1.2 Perbadanan yang ada kuasa untuk memegang tanah;
- 4.1.3 Raja, pemerintah, kerajaan dan organisasi di bawah **Ordinan Keistimewaan Diplomatik & Konsular 1957**;
- 4.1.4 Badan yang ada kuasa nyata memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain; dan

4.1.5 LPS hanya boleh dikeluarkan satu sahaja untuk satu individu/satu badan.

4.2 Syarat-syarat Tanah Yang Dipohon

4.2.1 Tanah rizab yang tidak/belum digunakan untuk tujuan ia dirizabkan.

4.2.2 Permohonan perlu mendapat kebenaran dari Pegawai Pengawal dan disokong oleh Jabatan yang mengurus tadbir tanah rizab tersebut.

4.3 Kuasa Mempertimbangkan Permohonan LPS

4.3.1 Penurunan kuasa bagi menimbang dan meluluskan permohonan LPS adalah seperti berikut:

Keluasan Tanah	Penurunan Kuasa
Tanah berkeluasan tidak melebihi 1 ekar	Pentadbir Tanah Daerah
Keluasan Tanah	Penurunan Kuasa
Tanah berkeluasan 1 ekar hingga 5 ekar	Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Tanah berkeluasan melebihi 5 ekar dan ke atas	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

4.4 Syarat-syarat Dan Terma-terma Tanah LPS

4.4.1 LPS tidak boleh diluluskan untuk perkara berikut:

- i. Melombong;
- ii. Mengambil logam atau galian; dan
- iii. Mengambil hasil hutan

4.4.2 Tempoh LPS:

- i. **Permohonan baru** – tamat tidak lewat daripada **penghujung tahun kalender** atau **tidak melebihi satu (1) tahun kalender**.
- ii. **Pembaharuan** – dibuat secara **setahun sekali** dengan **tempoh tidak melebihi satu (1) tahun kalender (maksima 3 kali pembaharuan)**; dan
- iii. Selepas tempoh pembaharuan tamat, pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan baharu kepada Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan.

4.4.3 Syarat-syarat LPS:

- i. LPS tidak boleh diserah hak;
- ii. LPS terhenti dengan kematian individu yang menerima LPS atau pembubaran badan yang mendapat LPS;

- iii. **Lesen tidak boleh diguna** untuk maksud:
 - a. Selain dari yang dicatatkan dalam lesen;
 - b. Menanam tanaman kekal; dan
 - c. Mendirikan bangunan atau struktur kekal.
- iv. Larangan kepada LPS:
 - a. Tidak boleh diwarisi;
 - b. Tidak boleh membuat cubaan haknya di bawah LPS; dan
 - c. Tidak boleh meneruskan usaha/menetap di atas tanah LPS jika tempohnya telah luput.
- v. Pemohon dikehendaki menyediakan Jaminan Peribadi (*personal guarantee*) dan bayaran deposit sebagai jaminan untuk pemulihan semula tanah apabila LPS telah habis tempoh.
- vi. Permohonan LPS di atas tanah rizab hanya dibenarkan untuk tujuan seperti berikut:
 - 1. Tapak semaian/jualan pokok hiasan
 - 2. Tanaman kontan
 - 3. Pondok Pengawal
 - 4. Papan Iklan (*billboard*)
 - 5. Tempat Letak Kereta

- vii. LPS bagi tujuan menara telekomunikasi dan jeti boleh dimohon kepada Pejabat Tanah Daerah sehingga tanah rizab tersebut diwartakan dibawah **Seksyen 62 KTN** dan kelulusan pajakan diberikan dibawah **Seksyen 63 KTN**.
- viii. Selain daripada tujuan yang dinyatakan di perenggan 4.4.3 (vi), permohonan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan PBN melalui MTES.
- ix. LPS bagi tujuan Papan Iklan (*billboard*) dan Tempat Letak Kereta hanya dibenarkan dimohon oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) manakala bagi tujuan Pondok Pengawal hanya dibenarkan dimohon oleh Persatuan Penduduk berdaftar.
- x. Syarat-syarat permohonan LPS bagi tujuan Pondok Pengawal dan Papan Iklan (*billboard*) perlu merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 1/2013 dan 2/2013.

4.5 Bayaran dan Fi Pemprosesan LPS Yang Akan Dikenakan

4.5.1 Fi Pemprosesan

Perkara	Seksyen Yang Berkaitan	Borang	Bayaran (RM)
Bayaran ke atas permohonan LPS setiap permohonan	Sek.67	4A	50.00
Bayaran ke atas permohonan LPS setiap permohonan bagi permit yang disatukan	Sek.69	4B	50.00

4.5.2 Bayaran LPS:

i.

Bil.	Jenis Kegunaan	Kadar bayaran
1.	Pertanian (Tanaman Kontan, Tapak semaian/jualan pokok hiasan)	10% x nilaiang sewaan tanah semasa x 12 bulan @ tempoh mengikut bulan sebelum tahun berakhir x luas

Bil.	Jenis Kegunaan	Kadar bayaran
2.	Perniagaan (Tempat letak kereta)	30% x nilaian sewaan tanah semasa x 12 bulan @ tempoh mengikut bulan sebelum tahun berakhir x luas
3.	Pondok Pengawal	Rujuk Pekeliling PTGS Bil. 1/2013
4.	Papan Iklan(<i>billboard</i>)	Rujuk Pekeliling PTGS Bil. 2/2013

- ii. **Nilaian sewaan tanah semasa** adalah nilaian yang dikenakan berdasarkan nilaian sewaan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).
- iii. Pemohon akan dikenakan denda sebanyak RM200.00 setahun sekiranya mengusahakan tanah tersebut sebelum LPS diluluskan.
- iv. Kadar bayaran deposit berdasarkan jumlah sekali ganda bayaran LPS yang dikenakan sebagai jaminan untuk pemulihan semula tanah apabila LPS telah habis tempoh.

- v. Permohonan daripada Jabatan Kerajaan bagi tujuan yang bukan bersifat keuntungan, kadar bayaran LPS yang dikenakan mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2005).

4.5.3 Tempoh Masa Pembayaran LPS

Tiga (3) bulan dari tarikh surat kelulusan diterima.

4.5.4 Kaedah Pembayaran

Dibayar secara sekaligus kepada Pejabat Tanah yang berkenaan.

4.6 **Borang-borang Yang Digunakan**

4.6.1 Senarai semak permohonan LPS seperti di **Lampiran A**;

4.6.2 Borang Permohonan LPS seperti di **Lampiran B**;

4.6.3 Borang Permohonan Pembaharuan LPS seperti di **Lampiran C**;

4.6.4 Borang 4A (KTN) – LPS (Borang Am) seperti di **Lampiran D**;

4.6.5 Contoh Surat akujanji / akuan berkanun yang menunjukkan bahawa pemohon memahami status

tanah LPS adalah bersifat sementara seperti di Lampiran E; dan

4.6.6 Contoh Jaminan Peribadi (*personal guarantee*) (jumlah berdasarkan bayaran deposit) di Lampiran F.

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

5.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

5.2 Pekeliling PTGS Bil.4 Tahun 1967, Bil.2 Tahun 1975, Bil. 2 Tahun 1999, Para 3.1 Bil.1 Tahun 2008 (berkaitan LPS) dan 7/2011 dengan ini dibatalkan.

5.3 Pekeliling PTGS Bil. 1/2013 pada perenggan 3.1(3.1.1) dan Pekeliling PTGS Bil. 2/2013 pada perenggan 3.1.2 dipinda mengikut perenggan 4.3.1 Pekeliling ini.


(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: **23-9-2015**

LAMPIRAN A



**PEJABAT TANAH DAERAH
(ALAMAT).....**

Telefon : samb.

Fax :

Email:

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA LESEN PENDUDUKAN
SEMENTARA DI BAWAH SEKSYEN 65 KANUN TANAH NEGARA**

	<u>Pemohon</u>	<u>Pejabat</u>
1. Dua (2) salinan Borang Permohonan		
- Borang Permohonan LPS yang telah ditandatangani; ATAU	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
- Borang Pembaharuan LPS yang telah ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Dua (2) Salinan Kad Pengenalan (permohonan oleh Individu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Dua (2) Salinan Pelan lokasi yang disahkan oleh Unit Pelan Daerah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Satu (1) Salinan Memorandum And Article Of Association beserta Borang 24 dan 49 lengkap dan terkini atau Annual Return Of Company Having A Share Capital yang disahkan oleh setiausaha syarikat berlesen (permohonan oleh syarikat).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Maklumat laporan tanah lengkap, gambar tapak dan tapak sekeliling mengikut format. Satu keping CD (cakera padat) jika dihantar untuk MMKN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Ulasan Jabatan Teknikal – Permohonan Baru	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Satu (1) Salinan resit bayaran. Bayaran adalah mengikut Kaedah-kaedah Tanah Selangor :	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
	i) RM 20.00 – Bayaran untuk pelan (satu salinan) ii) RM 50.00 - Bayaran untuk permohonan	

Disemak oleh :

Nama :

Tandatangan/ :

Tarikh :

LAMPIRAN B

BORANGINI PERCUMA

Pentadbir Tanah,

.....

Tuan,

PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA UNTUK

Tujuan :

Mukim :

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, dengan ini memohon mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara seperti di bawah :

Tujuan :

Luas Kawasan Dipohon : ekar/hektar/meter persegi

Tempat : Mukim :

2. Kawasan yang dipohon adalah seperti bertanda merah di dalam pelan berkembar.

3. Bersama ini disertakan borang maklumat peribadi saya yang telah diisi.

4. Sekiranya permohonan ini diluluskan, saya akan mematuhi apa jua syarat yang dikenakan.

5. Saya faham bahawa lesen ini bukanlah hakmilik, oleh itu saya tidak berhak menuntut apa-apa dan gantirugi ataupun pampasan jika lesen ini dibatalkan oleh Pentadbir Tanah atau Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

.....

Tarikh :

PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

Tujuan :

Kawasan/Mukim : Seluas :

BUTIR-BUTIR PERMOHONAN TANAH OLEH SYARIKAT

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :

No. Pendaftaran Perniagaan :.....

No.Tel Pejabat/ Tel. Bimbit :..... No. Faks :

Email: Modal Berbayar: RM.....

Tanah LPS lain yang dimiliki oleh syarikat:

Bil.	Daerah	Mukim	Luas (Ekar)	Kegunaan	Tarikh Kelulusan dan Bayaran

Senarai Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat:

(sila gunakan lampiran jika tidak mencukupi)

1. (a) Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tempat Lahir/ Umur :

Alamat Tetap :

Jawatan dalam syarikat :

Jumlah Syer dalam syarikat :

Pekerjaan :

No.Tel. Rumah/ Tel. Pejabat/ Tel. :

Bimbit

No. Fax :

Pendapatan Bulanan :

Maklumat lain :

2. (a) Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tempat Lahir/ Umur :

Alamat Tetap :

Jawatan dalam syarikat :

Jumlah Syer dalam syarikat :

Pekerjaan :

No.Tel. Rumah/ Tel. Pejabat/ Tel. :

Bimbit

No. Fax :

Pendapatan Bulanan :

Maklumat lain :

PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

Tujuan :

Kawasan/Mukim : Seluas :

BUTIR-BUTIR PERMOHONAN TANAH OLEH INDIVIDU

Nama Pemohon:

No. Kad Pengenalan:..... Umur:.....

Jantina:..... Tarikh Lahir:.....

Tempat Lahir Pemohon:..... Kewarganegaraan:.....

No.Tel. Rumah/ Tel. Bimbit:..... No. Sijil Kerakyatan:.....

Pekerjaan:..... No. Faks :.....

Tempat kerja:.....

Pendapatan:..... Tanggungan:.....

Alamat surat menyurat:.....
.....
.....

Taraf Perkahwinan:.....

Butir-butir suami/ isteri:

1. (a) Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tempat Lahir/ Umur :

Pekerjaan :

No.Tel. Rumah/ Tel. Pejabat/ Tel. :

Bimbit :

Pendapatan Bulanan :

Tempat kerja :

Lama tinggal di Mukim/Daerah/Negeri Selangor :

Tanah / Kawasan yang dipohon sudah diusahakan atau diduduki : Belum / Sudah

Keterangan :

.....

**Potong yang tidak berkenaan*

**Potong yang tidak berkenaan*

.....

Tandatangan Pemohon

Tarikh

LAMPIRAN C

PEJABAT TANAH

(Untuk diisi dalam 2 salinan beserta
dengan salinan Fotostat Lesen Asal)

Bil.() dlm. No. Fail/ /

PERMOHONAN UNTUK MEMBAHARUI LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

NO : MUKIM :

BAGI TUJUAN :

1. Nama Pemohon :
(Dengan huruf besar)
2. No. K.P :
3. Alamat :
.....

BUTIR-BUTIR LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

No. Lesen :
Mukim :
Pemegang :
Kawasan :
No.Lot :
Luas Kawasan :
Kegunaan :
Bayaran :
Tunggakan :

.....
Tandatangan Pemohon
()

Tarikh :

(Untuk Kegunaan Pejabat)

LAPORAN DAN SYOR PENOLONG PEGAWAI TANAH

Nama Pengusaha :
(Jika berlainan dengan pemegang asal)

Luas kawasan yang diusahakan :

Kegunaan sekarang :

Kadar bayaran baru :
(Jika perlu disyorkan)

Nota :

.....
.....

.....
Pegawai Petempatan Mukim

Nama :

Tarikh :

LAMPIRAN D

L.P.S.NO. A.....

.....
DAERAH

Kanun Tanah Negara

BORANG 4A
(Seksyen 67)

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA
(Borang Am)

MAKSUD PENDUDUKAN - * TANAMAN
KEDIAMAN PERSENDIRIAN
PERTUNJUKAN AWAM, DLL.

Fee RM

Nama Pemegang Lesen

Alamat

No. K.P. adalah dengan ini diberi kebenaran untuk menduduki tanah yang diperihalkan di bawah ini bagi maksud, dan pada fee, yang disebut di atas.

Pendudukan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang dijadualkan di bawah ini dan kepada mana-mana peruntukan-peruntukan lain yang ditetapkan oleh Kaedah.

Dikeluarkan pada haribulan , 20.....

.....
Pentadbir Tanah/Pegawai Berkuasa

PERIHAL MENGENAI TANAH

*Bandar/Pekan/Mukim

* Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Lombong (Pajakan Atau No. S.P)

.....
tempat (atau* No. Lot/P.T. jika ada)

Luas tanah untuk diduduki (*Pelan Lakar *di sebelah*).

JADUAL

1. Lesen ini akan bermula pada
Dan tamat pada *31 hb Disember

*Potong sebagaimana yang sesuai.

2. Lesen ini *tidak boleh diserahak/boleh diserahak di bawah Kaedah
3. Lesen ini hendaklah tamat sekiranya berlaku kematian orang, atau pembubaran badan, yang buat masa itu berhak mendapat faedah darinya.
4. Tanah di bawah lesen ini tidak boleh digunakan
 - (a) Bagi apa-apa maksud selain dari maksud yang disebut di atas;
 - (b) Untuk menanam apa-apa tanaman kekal;
 - (c) Untuk mendirikan mana-mana bangunan kekal atau struktur kekal yang lain.
5. Lesen ini bolehlah dibatalkan –
 - (a) Dengan serta merta, dan tanpa apa-apa bayaran pampasan, jika berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan yang kepadanya ia tertakluk;
 - (b) Dengan bayaran pampasan (yang mana dipersetujui atau ditentukan mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 434 Kanun Tanah Negara) pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh.

Di sini

Masukkan peruntukan-peruntukan tambahan
.....

LAMPIRAN E

SURAT AKUJANJI/ SUMPAH

Saya
No. kad pengenalan yang beralamat di
.....
ialah pemohon tanah kerajaan secara Lesen Menduduki Sementara
untuk..... mengikut Surat Kelulusan
Bil()dlm.PT..... dengan sesungguh dan
sebenar-benarnya saya mengaku seperti berikut:-

- a. Bahawa lesen yang diluluskan untuk kegunaan
.....
- b. Luas tapak yang diluluskan adalah lebih kurang
.....
- c. Kegunaan lesen tidak boleh diubah kegunaannya atau
diganti usaha kepada orang lain;
- d. Bersetuju menyerahkan semula kepada kerajaan pada
bila-bila masa sekiranya tapak itu diperlukan oleh kerajaan
tanpa bayaran ganti rugi.
- e. Lesen ini bukanlah satu jaminan untuk mendapatkan
dokumen hakmilik dan sekiranya lesen ini dibatalkan oleh
Pentadbir Tanah atau Pihak Berkuasa Negeri, pemegang
lesen tidak berhak menuntut apa-apa gantirugi ataupun
pampasan.
- f. Sekiranya pemegang lesen melanggar syarat, tindakan
akan diambil untuk membatalkan lesen ini dengan serta
merta.

g. Lesen hendaklah dibaharui pada awal tahun.

Dan kami membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

t.t

.....
(NAMA PENUH PEMOHON)
(No. K/P _____)

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui

Oleh yang tersebut namanya di atas

Di

Di Negeri

Padahb..... 20.....

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Hakim Mahkamah Sekyen,

Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)

LAMPIRAN F

-Contoh-

Tarikh :

Pentadbir Tanah Daerah.....
(Alamat Pejabat)

Y.Bhg Dato'/ Tuan,

JAMINAN PERIBADI (PERSONAL GUARANTEE) – NAMA PEMOHON

BAHAWASANYA –

- (1) Saya.....(nama)(No. Kad Pengenalan)/ Kami, SyarikatSdn. Bhd (nama syarikat)(No. Syarikat)..... yang beralamat di telah membuat permohonan Lesen Pendudukan Sementara bertarikh di atas tanah Mukim Daerah..... (“Permohonan tersebut”);

- (2) Pihak Berkuasa Negeri/ Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat MMKN Ke pada dan disahkan dalam Mesyuarat MMKN Ke pada/ Pengarah Tanah Dan Galian Selangor pada/ Pentadbir Tanah Daerah pada telah memutuskan lulus permohonan Lesen Pendudukan Sementara untuk tujuan (*sila rujuk surat keputusan permohonan*) dengan syarat Individu/ Ahli Lembaga Pengarah menandatangani Personal Guarantee untuk tujuan tersebut.

DENGAN ITU SAYA, (NAMA INDIVIDU/ NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH)
(No. K/P:) yang beralamat di

Jika syarikat guna ayat ini – Pengarah Urusan Syarikat dan juga bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah Syarikat melalui resolusi Syarikat bertarikh yang dilampirkan bersama dengan Jaminan ini untuk menandatangani Jaminan ini bagi pihak mereka (kemudian ini disebut sebagai “Penjamin”), dengan rela dan suci hati bersetuju dan berjanji dengan Kerajaan Negeri Selangor (kemudian ini disebut sebagai “**Kerajaan Negeri**”) untuk mengikut terma-terma Jaminan seperti yang terkandung di dalam Jaminan ini bahawa –

- (1) Saya/ Syarikat akan mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan untuk menyempurnakan Lesen Pendudukan Sementara untuk tujuan.....;
- (2) pada bila-bila masa, selepas tamat tempoh tahun tersebut, Kerajaan Negeri boleh membuat tuntutan bertulis bahawa saya/ Syarikat telah gagal mematuhi tujuan sebenar permohonan dalam masa..... (*sila isi tempoh masa*), maka Penjamin hendaklah membayar kepada Kerajaan Negeri, dalam tempoh masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh tuntutan bertulis diterima oleh Penjamin, jumlah Jaminan sebanyak RM (Ringgit Malaysia Sahaja), tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Syarikat atau Penjamin sendiri atau mana-mana Pihak Ketiga yang lain dengan atau tanpa bukti;
- (3) sekiranya Penjamin gagal membuat bayaran seperitimana yang dituntut oleh Kerajaan Negeri, faedah sebanyak 8% setahun akan dikenakan bermula dari tarikh tamat tempoh bayaran dan Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap Penjamin tanpa sebarang notis lagi;

- (4) Penjamin tidak akan dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan di antara Syarikat dengan Kerajaan Negeri sama ada dengan atau tanpa kebenaran Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh Penjamin atau Syarikat atau sebarang penangguhan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya;
- (5) Saya/ Syarikat, sebagai Pemilik Berdaftar (no. LPS..... Mukim, Daerah) tidak boleh digunakan untuk maksud selain daripada yang dicatatkan dalam lesen, tidak boleh menanam tanaman kekal dan tidak boleh mendirikan bangunan atau struktur kekal.
- (6) Jaminan ini akan mengikat waris, wakil dan pentadbir yang sah, penama, penerima serahak Penjamin dan mana-mana orang yang menggantikan dan/atau mengambil alih tempat Penjamin dalam Syarikat;
- (7) Jaminan ini tidak boleh diserahkan tanpa persetujuan bertulis Kerajaan Negeri; dan
- (8) Kerajaan Negeri boleh dan/atau bebas menuntut daripada mana-mana pihak yang difikirkan sesuai.

(ALI BIN ABU)

(METERAI SYARIKAT)

Juga menandatangi bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah
SYARIKAT ABCD SDN. BHD.

Disaksikan oleh,

(Setiausaha Syarikat)

Masukkan nama, No. Kad Pengenalan dan juga No. Daftar

LAMPIRAN

(Lampirkan Resolusi Syarikat yang memutuskan ALI BIN ABU menandatangani Jaminan ini atas kapasiti beliau sebagai Pengarah Urusan Syarikat dan juga bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang lain dan persetujuan semua Ahli Lembaga Pengarah terhadap terma Jaminan ini)

(Lampirkan Borang 24 dan 49 Akta Syarikat 1965)